



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

5 MEI 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: PLWS

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	5 MEI 2017 (JUMAAT)	SINAR HARIAN Kerajaan cari, bantu mereka diberhentikan kerja	JPP

AKHBAR: SINAR HARIAN

Kerajaan cari, bantu mereka diberhentikan kerja



KUALA NERUS - Kerajaan tidak akan membiarkan individu yang telah diberhentikan kerja begitu sahaja sebaliknya telah memikul tanggungjawab mengesan dan memberi mereka latihan atau pekerjaan lain. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib berkata sesetengah syarikat atau kesatuan sekerja akan bekerjasama dan menghubungi kementerianya untuk memberi maklumat individu yang telah diberhentikan.

"Apabila telah memperoleh maklumat, pihak kami akan mengenal pasti kepakaran mereka dan mencari pekerjaan baharu yang bersesuaian ataupun memberi mereka latihan yang sewajarnya supaya mereka tidak terus berdepan dengan masalah akibat pemberhentian kerja," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang media selepas merasmikan dan menutup program panel diskusi PLWS-Sistem Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti Zon Pantai Timur 2017 di sini hari ini.

Katanya sepanjang tahun lepas, 37,000 orang di seluruh negara telah diberhentikan kerja dan sektor paling ramai terlibat ialah sektor pembuatan manakala di Pantai Timur, sektor yang paling terkesan adalah industri minyak dan gas. Ismail berkata walaupun jumlah mereka yang diberhentikan sentiasa digembar-gemburkan dengan kenyataan negatif, seolah-olah menyalahkan kerajaan namun orang ramai perlu tahu bahawa pemberhentian tersebut juga mungkin disebabkan faktor kehendak sendiri selain daripada tekanan ekonomi. "Kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif bagi membantu mereka ini hinggalah menyediakan Skim Insurans Pekerja (EIS) yang akan memberi bantuan kewangan kepada rakyat yang kehilangan kerja," katanya. – Bernama

ISU: PENCEN ILAT

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	5 MEI 2017 (JUMAAT)	UTUSAN MALAYSIA Warga emas lega terima pencen ilat Derita ketumbuhan di kepala sejak tiga tahun lalu	PERKESO

AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA

**Warga emas lega terima pencen ilat
Derita ketumbuhan di kepala sejak tiga tahun lalu**



Markiman Kobiran (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan peralatan pemulihan Perkeso kepada Sopian Jaffar sambil diperhatikan Salmiah Bab (kiri) dan Jusnita Nor Yaakob (kanan) di Taman Wawasan di Hulu Langat, Selangor, baru-baru ini. utusan/MOHD NOOR MAT AMIN

HULU LANGAT - BERAT mata memandang, berat lagi bahu memikul. Perumpamaan itu sesuai menggambarkan kisah hidup Sopian Jaffar, 64, yang menanggung derita selepas diserang penyakit ketumbuhan dalam kepala sejak tiga tahun lalu. Menurut isterinya, Salmiah Bab, 64, selepas dikesan menghidap penyakit itu suaminya terpaksa berulang-alik ke hospital. "Pembedahan terpaksa dilakukan sehingga menyebabkan tempurung kepala terpaksa dibuang.

"Belum cukup ujian itu, suami diduga apabila penglihatannya semakin kabur dan hari ini dia tidak dapat melihat sepenuhnya," katanya kepada Utusan Malaysia di kediamannya di Taman Wawasan, baru-baru ini. Terdahulu Sopian sekeluarga menerima kunjungan pengurusan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Cawangan Kajang yang diwakili Pengurusnya R. Thavamani dan Pegawai Eksekutifnya, Jusnita Nor Yaakob serta Timbalan Ketua UMNO Bahagian Hulu Langat, Datuk Markiman Kobiran.

Penderitaan Sopian berkurangan selepas mendapat bantuan sara hidup menerusi Skim Pencen Ilat yang ditawarkan oleh Perkeso. Sementara itu, R. Thavamani memberitahu, Sopian akan menerima sebanyak RM1,682 sebulan menerusi kelayakan faedah yang ditawarkan Perkeso. "Daripada skim itu, Sopian layak menerima kadar faedah pencen sebanyak RM39.40 sehari dan elaun layanan sentiasa sebanyak RM500 sebulan kerana tidak mampu bergerak sendiri. "Selain itu, dia juga akan menerima bantuan kerusi roda untuk tujuan kemudahan pergerakan dan lampin pakai buang setiap bulan yang boleh dituntut di pejabat Perkeso Cawangan Kajang," jelasnya.